



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-27 (1/2023) SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 14 Februari 2023 (Selasa)

Masa : 9.30 pagi

Platform : secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet*

Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
27.1	Aluan Pengerusi Pengerusi: (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalau-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-27 (1/2023) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Google Meet</i> ; dan (b) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua pasukan ISMS dalam memastikan pelaksanaan ISMS di UPM berjalan lancar dan berjaya melepas Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM ISMS pada 17 hingga 21 Oktober 2022.	Makluman Makluman
27.2	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-25 & Ke-26 (Khas) Secara Dalam Talian Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut, iaitu: (a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-	Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>25 (3/2022) secara dalam talian pada 19 Julai 2022 disahkan tanpa pindaan; dan</p> <p>(b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-26 (Khas) (4/2022) secara dalam talian pada 12 Oktober 2022 disahkan dengan pindaan pada Senarai Kehadiran dengan memasukkan nama Ts. Mohd Faizal Daud ke dalam senarai ahli yang hadir.</p>	Makluman
27.3	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>(a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-25 dan Ke-26 (Khas) adalah sebagaimana Laporan Agenda 3 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum berhubung empat (4) perkara berbangkit untuk makluman dan tindakan oleh pasukan ISMS yang terlibat iaitu:</p> <p>(i) <u>Minit 25.3 (b)(i)</u> - mengambil maklum satu peluang penambahbaikan tahun 2021 (CADE-OFI-ISMS-01) belum dapat ditutup dan tarikh penutupan dipinda kepada 30 April 2023 kerana melibatkan penambahbaikan Arahan Kerja Pelaksanaan Penilaian Pengajaran (UPM/OPR/CADE/AK01).</p> <p>(ii) <u>Minit 25.6 (e) (iii)</u> - mengambil maklum satu sesi perbincangan akan diadakan pada 17 Februari 2023 bersama wakil daripada iDEC, BKAD, CQA dan beberapa PTJ lain bagi mendapatkan input awal mengenai halatuju pensijilan ISMS di UPM.</p> <p>(iii) <u>Minit 26.2 (e)</u> - mengambil maklum berkaitan isu percanggahan maklumat penempatan kolej kediaman di dalam surat tawaran dan Sistem e-SMP semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2022/2023. Berdasarkan hasil perbincangan pihak YBhg. TNCHEPA bersama Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) UPM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Pengerusi</p>	Makluman Makluman Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>Jemaah Pengetua Kolej Kediaman, Pengurus Jemaah Pentadbir Kolej Kediaman dan Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik (BKAD) UPM pada 5 Oktober 2022, didapati punca berlakunya percanggahan dan tindakan pembetulan yang dicadangkan adalah sepetimana dinyatakan di Lampiran B.</p> <p>(iv) <u>Minit 26.4.2 (e)</u> – meminta semua peneraju ISMS yang terlibat bagi satu (1) NCR dan sembilan (9) OFI Audit Dalaman Tahun 2022 supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan kesemua penemuan audit berkenaan dapat ditutup sebelum 28 Februari 2023.</p>	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu), Ketua Pasukan Pusat Data & Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah di Fakulti
27.4	<p>Laporan Objektif Keselamatan Maklumat</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2022 adalah sebagaimana Laporan Agenda 4 yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum keempat-empat objektif ISMS tahun 2022 yang diukur telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Perincian pencapaian objektif ISMS tahun 2022 adalah seperti pada Lampiran C.</p> <p>(c) Mesyuarat bersetuju kesemua empat objektif beserta sasaran yang sama dikekalkan untuk pengukuran pada tahun 2023.</p>	Makluman Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(d) Mesyuarat secara dasarnya turut bersetuju dengan cadangan penambahan dua (2) objektif keselamatan maklumat bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah bagi tujuan peluasan skop ISMS pada tahun 2023.</p> <p>(e) Mesyuarat mencadangkan supaya kelulusan secara edaran dibuat untuk mengesahkan draf soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS semasa proses pendaftaran pelajar baharu siswazah bagi memastikan soalan yang dibangunkan oleh pihak peneraju Sekolah Pengajian Siswazah memenuhi prinsip kerahsiaan, integriti dan ketersediaan yang diterapkan dalam pelaksanaan ISMS.</p>	TWP ISMS & Penyelaras ISMS Penyelaras ISMS
27.5	<p>Laporan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability (SoA)) & Dokumentasi ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana Laporan Agenda 5 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat dimaklumkan pemakaian dokumen rujukan ISMS yang terkini melalui paparan eISO UPM adalah seperti berikut, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS, tarikh kemaskini 13 Oktober 2022; dan (ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA), terikh kemaskini pada 1 Disember 2021. <p>(c) Mesyuarat mengambil maklum terdapat keperluan perubahan terhadap Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS mengambilkira aktiviti peluasan skop Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah yang melibatkan pindaan pada maklumat seperti skop, struktur organisasi, peranan dan tanggungjawab jawatankuasa, isu dalaman dan luaran, pihak berkepentingan dan keperluan mereka, dokumentasi serta PTJ dibawah skop pensijilan ISMS.</p> <p>(d) Mesyuarat meneliti dan bersetuju dengan cadangan perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS yang dikemukakan dan meluluskan perubahan untuk diguna pakai bermula pada 28 Februari 2023.</p>	Makluman Makluman Makluman TWP ISMS & Penyelaras ISMS

Minit	Agenda	Tindakan/ Maklumat
27.6	<p>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Tahun 2022 adalah sebagaimana dinyatakan di Laporan Agenda 6 dan laporan ini sama sepertimana yang telah dibentang dan disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-24 (Khas) pada 04 April 2022.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bengkel Penilaian Risiko ISMS khusus bagi Peluasan Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah telah diadakan pada 9 Februari 2023 melibatkan ahli pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah yang terdiri daripada Sekolah Pengajian Siswazah, Pusat Antarabangsa Putra, UPM Kampus Bintulu, Pejabat Bursar, Pusat Kesihatan Universiti dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi.</p> <p>(c) Mesyuarat turut dimaklumkan Bengkel Penilaian Risiko ISMS UPM untuk semua pasukan ISMS UPM akan diadakan pada 15 hingga 16 Mac 2023 sebagai persediaan untuk menghadapi Audit Dalaman ISMS Tahun 2023. Penilaian akan turut mengambilkira hasil semakan kendiri yang dilaksana oleh setiap pasukan pada bulan Oktober 2023.</p> <p>(d) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung kebarangkalian Sistem MyRAM akan berubah selaras dengan keperluan perubahan dalam Standard ISO/IEC 27001:2022. Memandangkan tiada maklum balas jelas mengenai tempoh masa perubahan yang akan dilaksanakan oleh pihak MAMPU, UPM disaran untuk bersedia dengan satu metadologi baharu sebagai <i>backup plan</i> sekiranya sistem MyRAM tidak dinaiktaraf oleh pihak MAMPU bagi memastikan kesinambungan proses penilaian risiko ISMS di UPM.</p>	Maklumat Maklumat Maklumat Penyelaras Penilaian Risiko ISMS

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
27.7	<p>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 20 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Julai 2022 hingga Januari 2023 adalah seperti di Laporan Agenda 7 yang dibentang semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum bahawa setiap pasukan sentiasa membuat pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan aktiviti tahunan ISMS pasukan masing-masing dalam memastikan kelancaran pelaksanaan ISMS secara keseluruhan di UPM.</p>	Makluman Makluman
27.8	<p>Hal-Hal Lain</p> <p>27.8.1 Perancangan Aktiviti ISMS UPM Tahun 2023</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung Takwim Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2023 seperitimana pada Laporan Agenda 8.1 yang dibentang. Perancangan merangkumi aktiviti ISMS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS, Bengkel Penilaian Risiko, Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA), Audit Dalaman, Audit SIRIM, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Aktiviti Perluasan Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta supaya Takwim Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2023 ini dihebahkan untuk makluman bersama ahli pasukan ISMS masing-masing.</p>	Makluman Semua Ketua Pasukan ISMS

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>27.8.2 Laporan Penemuan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QAS Sdn. Bhd</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak tiga (3) peluang penambahbaikan (OFI) dikeluarkan oleh pihak SIRIM semasa pelaksanaan Audit SIRIM ISMS pada tahun 2022. Sehingga 13 Februari 2023, masih terdapat satu (1) PTJ belum mengemukakan maklum balas pelan tindakan yang akan diambil ke atas OFI yang diperolehi. Sehubungan itu, mesyuarat meminta peneraju terlibat mengemukakan pelan tindakan yang diperlukan seberapa segera kepada Urusetia Pusat Pusat Jaminan Kualiti untuk tindakan lanjut.</p> <p>(b) Mesyuarat memaklumkan bukti tindakan pelaksanaan penutupan OFI SIRIM perlu dihantar ke Pusat Jaminan Kualiti sebelum/pada 31 Mac 2023.</p>	Makluman
	<p>27.8.3 Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2022 adalah seperti mana pada Laporan Agenda 8.2 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum laporan analisis soal selidik ISMS tahun 2022 yang telah dilaksanakan merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Program Bacelor (Serdang dan Bintulu); (ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Program Diploma (Bintulu); dan (iii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswa di Fakulti. 	Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(c) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Program Bacelor (Serdang dan Bintulu) Sesi Kemasukan 2022/2023 telah dilaksana pada 5 hingga 6 Oktober 2022 dan 28 Oktober 2022 kepada pelajar prasiswa Zah di Kampus Serdang dan Bintulu secara dalam talian. Analisis yang dijalankan menunjukkan 96.00% daripada 3289 responden berpuas hati dan memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap tahap keselamatan maklumat pendaftaran pelajar prasiswa Zah di UPM.</p> <p>(d) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Program Diploma (Bintulu) Sesi Kemasukan 2022/2023 telah dilaksana pada 1 hingga 2 Ogos 2022 secara dalam talian. Analisis yang dijalankan menunjukkan 95.9% daripada 211 responden berpuas hati dan memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap tahap keselamatan maklumat pendaftaran pelajar diploma di UPM.</p> <p>(e) Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan penambahbaikan yang diperolehi hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu program bacelor dan diploma dan mencadangkan supaya satu sesi perbincangan diadakan untuk mengenal pasti tindakan yang perlu diambil ke atas cadangan yang dikemukakan.</p> <p>(f) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswa Zah di Fakulti bagi Semester Kedua Sesi 2021/2022 telah dilaksana secara atas talian pada 21 Mac hingga 30 April 2022 (Diploma) dan 30 Mei hingga 14 Julai 2022 (Bacelor) di Kampus Serdang dan Bintulu menggunakan aplikasi <i>google form</i>. Analisis yang dijalankan menunjukkan 81.98% daripada 3498 responden berpuas hati dan</p>	Makluman Makluman Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran prasiswazah di UPM. Selain daripada itu, pencapaian mengikut item (soalan) juga adalah pada tahap baik iaitu dengan skor min 4.24.</p> <p>(g) Mesyuarat mengambil maklum jumlah responden bagi Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti juga telah menunjukkan peningkatan hampir 67% berbanding jumlah responden pada tahun 2021.</p> <p>(h) Mesyuarat bersetuju meluluskan ketiga-tiga Laporan Analisis Soal Selidik Keselamatan Maklumat ISMS yang dibentang untuk dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-56 pada 21 Februari 2023.</p>	Makluman
		Makluman
		Penyelaras ISMS
	27.8.4 Perubahan Struktur Organisasi Pasukan ISMS	
	<p>(a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat cadangan perubahan pada Struktur Organisasi ISMS berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS; (ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang; (iii) Struktur Organisasi Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti; dan (iv) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah. <p>(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan struktur organisasi ISMS UPM dengan tarikh pemakaian/kemaskini pada 28 Februari 2023.</p> <p>(c) Mesyuarat dimaklumkan surat lantikan baharu hanya akan dikeluarkan sekiranya perubahan melibatkan pertukaran pegawai sedia ada. Sebarang perubahan pada gelaran atau nama seksyen/bahagian bagi pegawai yang telah dilantik tidak akan dikeluarkan surat lantikan baharu.</p>	Makluman
		Penyelaras ISMS
		Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>27.8.5 Peluasan Skop Pensijilan ISMS Tahun 2023</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum aktiviti persediaan peluasan skop pensijilan ISMS bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah Merangkumi Aktiviti Penerimaan Tawaran Sehingga Pengesahan Pendaftaran untuk dilaksana pada tahun 2023.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum beberapa dokumen telah dibangunkan hasil Bengkel Semakan dan Penyediaan Draf Dokumen Peluasan Skop ISMS Bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah yang diadakan pada 17 Februari 2022 merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Struktur Organisasi Pasukan; (ii) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS (Skop pensijilan, pengecualian skop dan PTJ terlibat); (iii) Objektif ISMS; (iv) Pihak Berkepentingan dan Keperluan Mereka; (v) Isu Dalaman dan Luaran ISMS; dan (vi) Prosedur dan Elemen Kawalan Keselamatan Maklumat. <p>(c) Mesyuarat turut mengambil maklum aktiviti peluasan skop ISMS turut mengambil kira pelaksanaan audit kendiri dan audit dalaman Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah sebelum menjalani Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM pada 9 hingga 13 Oktober 2023.</p>	Makluman Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>27.8.6 Peralihan Pensijilan ISMS kepada Standard ISO/IEC 27001:2022</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung keperluan Peralihan Pensijilan ISMS UPM kepada Standard versi terkini iaitu ISO/IEC 27001:2022 sebelum 29 Oktober 2025. Satu sesi taklimat berhubung perkara ini telah diadakan oleh pihak SIRIM Berhad pada 2 Februari 2023 kepada semua agensi yang mendapat pensijilan ISO/IEC 27001:2013. UPM telah diwakili oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan CQA dan Penyelaras ISMS.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum antara perubahan utama Standard ISO/IEC 27001: 2022 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kebanyakan bahagian dalam standard 27001 tidak berubah contohnya Klausula 4 hingga 10; (ii) Hanya kawalan keselamatan yang disenaraikan dalam Annex A yang dikemaskini; (iii) Bilangan kawalan dalam annex A berkurang daripada 114 kepada 93 (11 baharu, 24 gabung, 58 dikemaskini); (iv) Kawalan diletakkan di bawah 4 seksyen berbanding 14 seksyen sebelum ini; dan (v) Terdapat 11 kawalan baharu dan tiada kawalan sedia ada yang digugurkan tetapi kebanyakannya digabungkan. <p>(c) Mesyuarat turut mengambil maklum, berdasarkan maklum balas awal pihak MAMPU, Sistem MyRAM hanya akan dikemaskini berdasarkan keperluan Standard ISO/IEC 27001:2022 bermula tahun 2024.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	(d) Mesyuarat bersetuju supaya gerak kerja proses peralihan Standard ISO/IEC 27001:2022 UPM dimulakan pada tahun 2024 memandangkan pada tahun 2023 penumpuan tindakan adalah kepada proses peluasan skop ISMS Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah menggunakan Standard ISO/IEC 27001:2013. Antara tindakan yang perlu diberi perhatian dalam proses peralihan ini adalah berkaitan semakan dan pengemaskinian dokumen, kaedah/metodologi penilaian risiko (sekiranya diputuskan tidak lagi mengguna pakai Sistem MyRAM) dan penyediaan dokumen analisis jurang (gap analysis).	TWP ISMS & Penyelaras ISMS
27.9	Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	Makluman

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-27 (1/2023)
SECARA DALAM TALIAN

HADIR

- | | |
|---|---------------------|
| 1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) | - Pengerusi |
| 2. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS) | |
| 3. Puan Haslida Hassan (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS) | |
| 4. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Serdang) | |
| 5. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Bintulu) | |
| 6. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data) | |
| 7. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswa Zah di Fakulti) | |
| 8. Ts. Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS) | |
| 9. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) | - Setiausaha |

TURUT HADIR

1. Encik Nasrudin Yahya (Ahli, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Serdang)
2. Encik Mohd Amaludin Salleh (Ahli, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Bintulu)
3. Encik Abdul Hadi Abd Rashid (Ahli, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Serdang)
4. Puan Zenaida Md Zenon (Pusat Jaminan Kualiti)
5. Puan Kasmaria Zawawi (Urusetia, Pusat Jaminan Kualiti)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Serdang)
3. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa Zah Kampus Bintulu)
4. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswa Zah di Fakulti)
5. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

LAPORAN DAN PELAN TINDAKAN PENGURUSAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (KESILAPAN PENEMPATAN KOLEJ KEDIAMAN DI DALAM SISTEM e-DAFTAR DAN e-SMP) SESI KEMASUKAN 2022/2023

1. TUJUAN

Laporan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada YH. Dato' Naib Canselor berkenaan isu pendaftaran pelajar baharu pada 5 Oktober 2022, iaitu kesilapan percanggahan maklumat penempatan kolej kediaman di dalam surat tawaran dan sistem e-SMP.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengurusan pendaftaran pelajar baharu Sesi 2022/2023 yang berlangsung pada 5 Oktober 2022 (Rabu) telah mengalami sedikit gangguan apabila terdapat 20 pelajar yang mendapat surat tawaran (e-Daftar) mempunyai percanggahan pada maklumat penempatan kolej yang direkodkan di dalam sistem e-Daftar dan e-SMP. Masalah ini menyebabkan tiada data pelajar dipaparkan di dalam sistem e-SMP di kolej yang telah dinyatakan di dalam surat tawaran.
- 2.2 Menyedari isu tersebut, maka YBhg. TNCHEPA telah mengambil langkah segera mengadakan perbincangan bersama-sama Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) UPM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Pengerusi Jemaah Pengetua Kolej Kediaman, Pengerusi Jemaah Pentadbir Kolej Kediaman dan Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik (BKAD) UPM pada 5 Oktober 2022 jam 2.00 petang.

3. HASIL DAPATAN PERBINCANGAN

- 3.1 Berdasarkan kepada semakan pihak iDEC, didapati data pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada **76 pelajar M2 (M2 – Pelajar Lepasan Asasi Sains Pertanian UPM)**, di mana data kolej pelajar ini telah kemaskini sebanyak 2 kali, iaitu pada 24/9/2022 dan 25/9/2022. Oleh kerana data ini telah dipindahkan ke sistem e-Daftar pada 24/9/2022, maka segala proses kemaskini penempatan kolej yang dilaksanakan pada 25/9/2022 di dalam sistem e-SMP tidak akan terkesan pada sistem e-Daftar, dan ini menyebabkan berlakunya percanggahan maklumat penempatan kolej di antara sistem e-SMP dan e-Daftar;

- 3.2 Daripada 76 pelajar tersebut, sebanyak 20 pelajar telah mendaftar pada 5 Oktober 2022 dan isu pendaftaran telah berjaya diselesaikan. Bagaimanapun, 14 pelajar yang telah mendaftar di Kolej Canselor perlu dikemaskini semula oleh BPP di dalam sistem e-SMP dan pelajar boleh memuat turun surat tawaran yang baharu;
- 3.3 Baki 56 pelajar lagi dijangka akan mendaftar pada 6 Oktober 2022. BPP diminta mengambil tindakan segera mengemaskini maklumat penempatan pelajar di dalam sistem e-Daftar dengan mengambil kira penempatan kolej kediaman yang telah ditetapkan sepertimana di dalam sistem e-SMP.

BPP juga diminta menghubungi 56 pelajar berkenaan dengan kadar segera bagi memaklumkan perubahan tersebut dan meminta pelajar membuat semakan dalam sistem e-Daftar sebelum mendaftar pada 6 Oktober 2022.

- 3.4 Mesyuarat ini juga telah berbincang dan membuat ketetapan seperti berikut (**sebagai langkah persediaan sekiranya masih berlaku perkara/masalah yang sama**):

Pihak kolej:

Membuat semakan surat tawaran dan penempatan kolej kediaman melalui BPP dan seterusnya melaksanakan **proses pendaftaran di kolej** secara manual walaupun tiada maklumat dipaparkan di dalam sistem e-SMP setelah mendapat pengesahan dari BPP.

Pihak BPP:

Mengemaskini semula maklumat penempatan kolej kediaman bagi pelajar yang terlibat dengan kadar segera setelah mendapat senarai nama dari kolej kediaman yang berkenaan.

4. PENUTUP

Semua isu telah dapat diselesaikan dengan baik dan Jawatankuasa Minggu Perkasa Putra, BPP, BHEP, iDEC dan BKAD akan terus memantau perkara ini dari semasa ke semasa bagi kelancaran proses pendaftaran pelajar baharu pada 6 Oktober 2022.

PROF. DR. ARIFIN ABDU

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Universiti Putra Malaysia

5 Oktober 2022

PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2022

Lampiran C

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2022	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswa (Kampus Serdang & Bintulu)	<p>UPM Kampus Serdang & Bintulu: Pelajar Bacelor – 96.00% pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan berdasarkan kepada jumlah pelajar yang mendaftar pada 5 hingga 6 Oktober 2022 (ambilan pertama) dan 28 Oktober 2022 (ambilan kedua).</p> <p>UPM Kampus Bintulu: Pelajar Diploma – 95.90 % pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan berdasarkan kepada jumlah pelajar yang mendaftar pada 1 hingga 2 Ogos 2022.</p>
2.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<p>Pelajar Diploma - Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring berada pada tahap 100.00% pada 1 hingga 2 Ogos 2022.</p> <p>Pelajar Bacelor - Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring berada pada tahap 100.00% pada 5 - 6 Oktober 2022 (ambilan pertama) dan 28 Oktober 2022 (ambilan kedua).</p>



PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2022

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2022	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring berada pada tahap 98.718% (sehingga 31 Disember 2022) pada 21 Mac 2022 hingga 31 April 2022 (Pelajar Diploma) dan 30 Mei 2022 hingga 14 Julai 2022 (Pelajar Bacelor)
4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<p style="text-align: center;">81.98%</p> <p>3,468 daripada 4,230 pelajar memberikan skor 4.00 ke atas berdasarkan soal selidik keselamatan maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2021/2022 yang dilaksana pada 21 Mac 2022 hingga 31 April 2022 (Pelajar Diploma) dan 30 Mei 2022 hingga 14 Julai 2022 (Pelajar Bacelor).</p>



CADANGAN PENAMBAHAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2023

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2023	Kaedah Pengukuran	Peneraju
1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah
2.	Memastikan ketersediaan aplikasi iGIMS dan PutraENROLL untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi iGIMS dan PutraENROLL menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data

